# KERAJAAN NEGERI KELANTAN

## PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
## BIL. 4/ 1992

### DASAR PENGGUNAAN TANAH RIZAB RAGUTAN LEMBU, KERBAU, NEGERI KELANTAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas MMK. Bil. 9/305/92(19) dalam sidangnya pada 22 April 1992 telah menggariskan dasar bagi mengawal Penggunaan Tanah Rizab Ragutan Lembu Kerbau di dalam Negeri Kelantan, iaitu :-

1. Tanah Rizab Ragutan Lembu/Kerbau hendaklah dikekalkan kegunaannya sebagai padang ragut, kecuali bagi tanah bagaimana perenggan 2 di bawah.

2. Bagi tanah yang tidak sesuai untuk ternakan Lembu/Kerbau, Pihak Berkuasa Negeri bolehlah menimbangkan untuk dilupuskan dengan cara :-

   2.1 Membatalkan perizaban di bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara, keseluruhan atau sebahagian daripada Tanah Rizab berkenaan.

   2.2 Berimilik kepada orang ramai.

3. Pihak Berkuasa Negeru boleh memberi pertimbangan kepada permohonan untuk menggunakan tanah berkenaan bagi tujuan penternakan Lembu/Kerbau dengan cara :-

3.1. Memberi Lesen Menduduki Sementara di bawah Seksyen 66 K.T.N. atau ;

3.2. Memberi pajakan di bawah Seksyen 63 K.T.N bagi tempoh tidak lebih 21 tahun.

4. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 9/1976 adalah dengan ini dimansuhkan.

**t.t**
**(Hj Ashaari Azmi Bin Hj Abdullah)**
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,**
**KELANTAN**
**BLOK 3, KOTA DARULNAIM,**
**15576 KOTA BHARU**

**BERTARIKH : 5 APRIL 581992**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah dan Jajahan, Kelantan.

**<u>SALINAN KEPADA :</u>**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
   ( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
   (Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.A.Brs Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
9. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
10. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.
11. YBrs. Pengarah Haiwan Negeri Kelantan
12. YBrs. Pengarah Pertanian Negeri Kelantan.

**FAIL : P.T.G. KN. 16/2/1**